



18 April 2016  
18 April 2016  
P.U. (A) 102

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2016

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2016

BAHAWASANYA melalui Notis di bawah Subseksyen 70(2), P.U. (B) 125 yang disiarkan dalam *Warta* pada 25 Mac 2016, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 April 2016.

**Larangan**

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dan mengikut waktu yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tarikh larangan</i>	<i>Waktu larangan</i>
Jalan Raja dari persimpangannya dengan Jalan Tuanku Abdul Rahman hingga ke persimpangannya dengan Lebuh Pasar Besar sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>(i) Kenderaan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman menghala ke Lebuh Pasar Besar hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Jalan Tun Perak menghala ke Lebuh Pasar Besar hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>Mulai 18 April 2016</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9.00 malam hingga 5.00 pagi</p> <p>Jumaat hingga Ahad: 6.00 petang hingga 6.00 pagi</p>